

LATIHAN SEJARAH TINGKATAN 4

TAHUN 2021

NAMA:

KELAS:

GURU SUBJEK: DANCY ANAK AGAN

BAB 8: PILIHAN RAYA

8.2 Proses Pilihan Raya Pertama

2. Lengkapkan petikan berikut dengan betul.

Parti Perikatan	Persetujuan	Pilihan raya	Tiga perlima
Ahli parlimen	Bilangan ahli	Lord Ogmore	Oliver Lyttelton
Kemerdekaan	Penamaan calon	Bentuk B	Pengiraan undi
Raja-raja Melayu	Tunku Abdul Rahman	Penentuan sempadan	Sir Donald MacGillivray

Atas persetujuan (a)....., Pilihan Raya Umum Pertama akan diadakan bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Pengisytiharan pilihan raya dibuat oleh (b) Proses pilihan raya bermula setelah penetapan bilangan ahli MPP, (c), pendaftaran pengundi, (d), mengadakan kempen, mengundi, (e) dan pengumuman keputusan.

Sebelum pilihan raya umum diadakan, beberapa isu berkaitan dengan (f) MPP perlu disepakati. Pada Februari 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan dianggotai oleh 46 orang ahli. Jawatankuasa Pilihan Raya mengeluarkan dua bentuk penyata susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan (g)

Pada 21 April 1954, (h), T.H Tan, Tan Cheng Lock dan Dato' Abdul Razak Hussien berangkat ke London. Tujuan rombongan untuk meminta (i) Bilangan anggota MPP dipilih dalam pilihan raya. Tunku Abdul Rahman Berjaya bertemu dengan (j) daripada Parti Buruh British, Parti Konservatif dan Parti Liberal dengan pertolongan (k) Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan berkaitan hasrat rombongan melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen.

Pada 14 Mei 1954, Tunku Abdul Rahman Berjaya berunding dengan (l) Beliau merupakan Setiausaha Tanah Jajahan British di London. Rundingan antara Tunku dengan Oliver Lyttelton gagal mendapatkan tiga perlima ahli melalui (m) Akhirnya, bilangan ahli MPP yang dipersetujui pihak British dan (n) untuk dipilih melalui pilihan raya sebanyak 52 orang.

Disebabkan (o) hanya dicapai pada awal bulan Julai 1954, maka pilihan raya hanya akan diadakan pada tahun 1955. Pada 18-19 Ogos 1954, Rang Undang-undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan bagi membolehkan Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah (p)